

Bahagian A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Soalan 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Dadah merupakan satu istilah yang merujuk kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudharatan kepada fizikal, mental dan emosi serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Dadah membawa kepada pergantungan fizikal dan psikologikal dan meningkatkan daya tahan terhadap dadah dan mendatangkan kesan-kesan buruk dan bahaya ke atas kesihatan dan fungsi sosial seseorang. Pendidikan mengenai dadah boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk dan mesej. Masyarakat harus diajar mengenai tanggungjawab, nilai-nilai dan etika supaya mereka yakin diri dan menghindari dadah seterusnya menjadi warganegara yang cemerlang.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dadah Musuh No.1 Negara, Agensi Antidadah Kebangsaan

[6 markah]

Soalan 2: SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat yang bergaris kepada **ayat susunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

Malaysia mempunyai kepelbagaian biologi flora dan fauna. Namun demikian, akhir-akhir ini kebanyakan haiwan tersebut diancam kepupusan walaupun pelbagai usaha telah dilakukan. Harimau dan badak merupakan spesies haiwan liar yang semakin terancam. Aktiviti menebang pokok yang dilindungi seperti meranti dan cengal turut memusnahkan tumbuhan kecil yang berada di sekeliling dan menyebabkan haiwan liar lari atau mati. Pembakaran hutan secara terbuka menyumbang kepada peningkatan suhu sekali gus mengancam haiwan liar. Pelbagai usaha dilakukan untuk membendung kepupusan hidupan liar, termasuklah penyelidikan dan pembangunan, penguatkuasaan dan pemantauan. Sektor penyelidikan dan pembangunan bertindak menubuhkan bank genetik bagi menyimpan DNA haiwan terancam.

Dipetik dan diubah suai daripada
Alam Sekitar dan Teknologi Hijau: Konservasi Alam.
Buku Teks Halaman: 132

[8 markah]

Soalan 3: PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi 9 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 9 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Balai Cerap Telok Kemang merupakan destinasi pendidikan ilmu astro nomi dan falak. Balai cerap ini di bawah seliaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Terdapat pelbagai kemudahan di sini, antaranya termasuklah teleskop dan kamera digital. Teleskop ialah teropong yang digunakan untuk melihat objek yang jauh. Kubah utama di Balai Cerap Telok Kemang menempatkan teleskop terbesar sekali di Malaysia. Ukuran diameter lensa teleskop tersebut ialah 24 inci dan teleskop ini diimport daripada Amerika Syarikat. Teknologi moden yang digunakan membolehkan pelbagai objek-objek langit diperhatikan.

Manakala, kamera digital digunakan kerana merakam foto objek-objek langit. Kamera ini mempunyai tetapan manual yang membolehkan pengguna mengawal sepenuhnya fungsi kamera seperti menukar kelajuan pengatub, bukaan kanta, dan kelajuan pencerahan cahaya. Kamera ini menghasilkan gambar yang lebih baik daripada kamera biasa. Pertemuan baharu seperti nova, supernova, galeksi-galeksi, komet-komet dan asteroid dirakam dengan menggunakan kamera digital seperti Sony A7s dan Nikon D300s.

Dipetik dan diubah suai daripada
Indahnya Bimasakti,
Buku Teks Tingkatan 5.

[9 markah]

Soalan 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Soalan 5: PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **tiga** peribahasa sahaja, kemudian bina ayat daripada peribahasa tersebut.

Anak-anak yang cemerlang dapat dilahirkan sekiranya ibu bapa mengambil berat akan kepentingan pendidikan agama dan moral anak-anak mereka sejak kecil lagi, bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebunginya. Kasih sayang dan sikap menatang minyak yang penuh haruslah diamalkan oleh ibu bapa untuk membentuk generasi muda efektif yang bermodalkan insan kelas pertama. Jika langkah awal gagal diamalkan, berkemungkinan anak-anak bakal terjerumus ke kancah sosial. Sikap sudah terhantuk baharu hendak tengadah haruslah dielakkan kerana hal ini akan merugikan usaha melahirkan anak watan yang cemerlang. Anggota masyarakat juga berperanan dalam membentuk generasi muda. Sikap seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing wajar dielakkan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sumber Internet: Masalah Sosial Resahkan Ibu Bapa.

[6 markah]

Bahagian B: PEMAHAMAN

[35 markah]

[Masa yang dicadangkan: 60 minit]

Soalan 6: PETIKAN UMUM

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Perniagaan dalam talian amat popular dan amat digemari oleh masyarakat pada masa ini. Kaedah perniagaan ini mudah dimulakan dan dijalankan dengan modal yang rendah. Peniaga dapat menguruskan sendiri perniagaan mereka tanpa perlu mengupah ramai pekerja. Kos untuk memulakan sesebuah perniagaan konvensional biasanya lebih tinggi terutamanya bagi kos sewa kedai, ubah suai bangunan, upah pekerja, tetapi dapat dikurangkan melalui perniagaan dalam talian. Perniagaan ini juga berisiko rendah berbanding dengan perniagaan biasa. Peniaga tidak perlu mengeluarkan wang yang lebih untuk membeli atau menyewa aset seperti bangunan, peralatan dan kelengkapan lain. Penjimatan ini boleh digunakan untuk membeli stok dan reka cipta laman web.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Kelebihan Perniagaan dalam Talian"
oleh Rohaizan Abdullah, *Dewan Siswa*, Februari 2017

Bahan 2

Setiap kali melayari Internet, pengguna acap kali terdedah dengan lambakan iklan yang mampu memukau pengguna. Segala-galanya di hujung jari. Sehubungan dengan hal itu, kita tidak dapat menafikan bahawa perniagaan dalam talian amat memudahkan pengguna dan peniaga. Perniagaan dalam talian memberikan banyak kelebihan kerana urusan jual beli dapat dijalankan dengan lebih mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak peniaga tidak perlu *mempromosikan produk* mereka di luar seperti mengadakan promosi di tepi-tepi jalan, pasar raya dan tempat awam yang lain. Perniagaan dalam talian juga dapat menjimatkan kos peniaga. Mereka boleh menjalankan perniagaan tanpa perlu mempunyai ruang pejabat dan gedung perniagaan.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Mengisi Troli dalam Talian"
oleh Suria Janib, *Dewan Ekonomi*, Januari 2018

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *mempromosikan produk*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk kepada **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah kelebihan yang boleh diperoleh oleh peniaga yang menjalankan perniagaan melalui dalam talian?
[3 markah]
- (iii) Dalam keadaan tertentu, kita tidak dapat menafikan bahawa terdapat beberapa impak negatif apabila wujudnya perniagaan dalam talian.
Nyatakan impak negatif tersebut.
[3 markah]
- (iv) Ibu dan kakak anda mempunyai perniagaan kek dan biskut. Mereka hanya menerima tempahan melalui rakan-rakan dan saudara-mara sahaja. Anda telah mencadangkan kepada ibu dan kakak anda supaya menggunakan platform perniagaan melalui dalam talian supaya perniagaan mereka lebih berkembang maju.
Apakah tindakan yang boleh anda ambil untuk membantu ibu dan kakak anda bagi mengembangkan perniagaan mereka secara dalam talian?
[4 markah]

Soalan 7: PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**Syair Jong Pecah**

Berkali-kali dicuba musuh,
Negara dilanggar hendak diruntuh,
Berkat bersatu rakyat teguh,
Tetap berdaulat berdiri kukuh.

Hinggalah sampai saat yang gelap,
Entah di mana salah dan silap,
Entah siapa lalai dan lelap,
Rakyat berbalah daulat pun malap.

Jadilah kita bangsa terjajah,
Terjejas daulat tercemar maruah,
Politik rebeh ekonomi rebah,
Siang malam *berhati gundah*.

Kita dijajah empat kurun,
Ditambah empat puluh enam tahun,
Budaya dan ilmu setandus gurun,
Harga diri semakin turun.

Bangkit pahlawan demi pahlawan,
Berjuang merebut kemerdekaan,
Bunga bangsa gugur terkorban,
Harumnya lesap ditelan zaman.

Sampailah waktu rakyat jelata,
Berpada erat seia sekata,
Tahan bahaya tahan derita,
Mendaulatkan kembali negara kita.

Tiga puluh tiga tahun sejak bergema,
Kita merdeka dilaung bersama,
Negara dan bangsa menempa nama,
Banyak impian telah terjelma.

Aduh mengapa kita berbalah,
Sama sendiri berpecah-belah,
Kenyanglah yu bila jong pecah,
Hitamlah tanda dalam sejarah.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Adibah Amin. 1995. *Syair Langit di Tangan*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Pahlawan Kemerdekaan
(Kepada Pahlawan Pahang)

Pahlawan!
jika hilangmu tanpa pusara
jika pusaramu tanpa nama
jika namamu tanpa bunga
penjajah mengatakan kau derhaka
maka kaulah pahlawan sebenarnya.

Gema seabad silam
Inggeris datang meredah Pahang
bersama peluru bersama senapang
membunuh menangkap setiap pejuang.

Sungai Semantan berubah merah
bukan sarap hilir ke kuala
bukan rakit mudik ke hulu
arus merahnya menjulang mayat
pahlawan bangsa pahlawan rakyat
tujuh liang dadanya tersayat.

Pahlawan!
untukmu derita untukmu penjara
bukan bintang tersemat di dada
semangatmu api negara berdaulat
namamu terukir di jantung rakyat.

Sumber: Usman Awang, 1987, *Puisi-Puisi Pilihan*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 3

Pantun Pahlawan

Ambil kapak belah ke kundur,
Baik terbelah si ibu kaki;
Walau setapak saya tak undur,
Itu adat anak laki-laki.

Adakah perisai bertali rambut,
Rambut dipintal akan cemara;
Adakah bisai tahu takut,
Kamipun muda lagi perkasa.

Apa guna kepuk di ladang,
Kalau tidak berisi padi;
Apa guna berambut panjang,
Kalau tidak berani mati.

Apa guna padi bukit,
Padi di bendang menabur bunga;
Apa guna hati sakit,
Mati bertikam termasyhur lama.

Sumber: Internet. *Koleksi Pantun Pahlawan Melayu*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *berhati gundah*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan ciri-ciri yang dimiliki oleh pahlawan-pahlawan Melayu yang berjuang habis-habisan dalam mempertahankan tanah air daripada penjajah.
[4 markah]
- (iii) Di saat negara sedang dilanda pandemik Covid-19, kehidupan rakyat telah terjejas kerana kehilangan sumber pendapatan untuk meneruskan kehidupan ekoran sekatan-sekatan yang terpaksa dilakukan oleh pihak kerajaan.
Pada pandangan anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan dalam membantu rakyat mengharungi situasi getir ini?
[3 markah]
- (iv) Panitia Sejarah dan Kelab Rukun Negara sekolah anda telah mengadakan Bulan Patriotisme yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti dan pertandingan. Setiap aktiviti dan pertandingan mestilah disertai oleh setiap kelas. Namun begitu, hanya segelintir sahaja rakan sekelas anda yang menunjukkan minat.
Sebagai ketua kelas, apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini?
[4 markah]

Soalan 8: NOVEL

- (i) *Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Lama Raidah termenung di tubir katilnya memikirkan, mengenangkan peristiwa yang dirasakan seperti mimpi. Terasa baru semalam perkahwinan Waheeda dengan Zahid. Bagaikan perkahwinan tuan puteri meriahnya; Puteri Cinderella dan Putera Charming, *marriage of the year* menurut mat salih pelanggan Tajau Emas yang turut hadir.

Kini, menantu semakin menjauhkan diri. Sirna kemesraan. Dua tahun lalu tidak pernah terlintas di dalam kepalanya bahawa dia bakal menjadi besan ahli koporat yang sangat berpengaruh di Bandar Raya Kuching. Dengan bermenentukan seorang peguam yang bijak bercakap merangkap pengurus kewangan syarikat abahnya seakan-akan melengkapkan kehidupan anak gadis kesayangan. Namun betullah, manusia tidak tahu apa-apa yang akan bakal terjadi esok, fikirnya tidak semua yang dirancang berlaku seperti yang dirangka. Manusia boleh merancang, namun Allah yang menentukan.

Dipetik daripada
Novel *Tirani*,
karya Beb Sabariah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan perkara-perkara yang tidak pernah terlintas di fikiran Raidah mengenai bakal menantunya.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel berikut:*

- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih*, karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani*, karya Beb Sabariah
- (g) *Silir Daksina*, karya Nizar Parman
- (h) *Bimasakti Menari*, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, huraikan **dua** pengajaran kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut.

[6 markah]

Bahagian C: RUMUSAN

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Soalan 9: RUMUSAN

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan, kemudian buat **satu rumusan** yang panjangnya tidak melebihi **120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 - Petikan

Inovasi dan kreativiti pada hari ini menjadi perkataan keramat yang mula mendapat perhatian. Elemen ini melibatkan kombinasi antara idea baharu dan idea lama yang diproses semula, membuat pemilihan dan menukar ganti menjadi suatu yang baharu. Hal ini menyebabkan negara perlu meningkatkan budaya inovasi mulai sekarang agar Malaysia tidak akan berhadapan dengan masalah ekonomi yang serius pada masa akan datang.

Oleh hal yang demikian, Unit Inovasi Khas (UNIK), Jabatan Perdana Menteri, ditubuhkan pada Ogos 2010 dengan tujuan supaya budaya inovasi dan kreatif diketengahkan secara aktif. Negara juga masih jauh ketinggalan dengan negara maju seperti Singapura yang berada di tangga ketiga, Denmark (7), New Zealand (13), dan Jepun (25). Oleh itu, pelancaran Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 diharap akan melonjakkan agenda transformasi dan inovasi negara. Selain itu, menjanakan modal insan yang berkemampuan dan mampu menguasai bidang sains dan teknologi. Dalam hal ini, kerajaan turut menyediakan pengiktirafan untuk menggalakkan inovasi seperti Anugerah Saintis Muda Negara dan Anugerah Cipta 1Malaysia (CIPTA). Seterusnya, MOSTI sentiasa berusaha memberikan galakan kepada rakyat menerusi penyediaan pembiayaan dana yang dikenali sebagai *Sciencefund* dan *Innofund*.



Dalam memacu kemajuan negara, pembudayaan dan pengamalan hidup bertunjangkan inovasi mampu memperkasakan negara dan penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian. Selain itu, inovasi berupaya menjana pertumbuhan utama negara. Hal ini dapat dilihat melalui pemantapan secara giat dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Pembudayaan inovasi ini juga dapat melahirkan murid yang berfikiran kreatif dan kritis.

Namun begitu, peranan para guru dalam perkara ini amat penting dalam mempelbagaikan aktiviti dan kaedah pembelajaran seperti menggalakkan murid-murid berfikir, berbincang, membuat rujukan, menyediakan nota dan menghasilkan tugas tersebut. Tegasnya, pembudayaan sains, teknologi dan inovasi akan mampu meningkatkan penyertaan masyarakat terhadap bidang yang berimpak tinggi kepada ekonomi negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Menyemarakkan Budaya Inovasi dan Kreativiti'
oleh Haji Samat bin Buang,
Dewan Siswa, Mac 2013

[Lihat halaman sebelah

Bahan 2 – Grafik



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT